

# Abdullah, Bush tumpu isu keganasan sejagat

BH - 17/11/2005

## Soal keselamatan dan fungsi AS di Asia Tenggara turut disentuh

Mohd Azlan Jaafar di Busan, Korea Selatan



**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dijangka tiba hari ini akan terus mengadakan pertemuan peringkat tertinggi dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush.

Abdullah dan Bush yang berada di sini sempena persidangan ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) 2005, dijangka menggunakan kesempatan itu bagi membincangkan perkembangan terbaru dua hala, serantau, dan antarabangsa.

Selain mengukuhkan hubungan Malaysia dan AS, Abdullah dan Bush dijangka menumpukan isu keganasan, penyakit merentas sempadan dan perkara kepentingan bersama.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pertemuan pemimpin Asean yang juga anggota

Apec dengan Bush dijangka menyentuh isu keselamatan dan fungsi AS di Asia Tenggara.

"Apa juga yang dilakukan AS di mana-mana akan memberi kesan kepada rantau kita. Ia realiti dunia masa kini," katanya semalam.

Tujuh daripada 10 negara Asean adalah anggota Apec dan Bush dijangka bertemu semua pemimpin Asean berkenaan ketika di sini. AS mahu memastikan kepentingannya di Asia Tenggara terpelihara berikutan kumpulan 10 negara Asean yang mewakili 500 juta penduduk adalah antara kawasan pertumbuhan ekonomi paling pesat dan berpotensi.

Selain itu, kemasukan China sebagai kuasa ekonomi dan tentera dikatakan membimbangkan AS yang tidak mahu pengaruhnya tersisih.

Sementara itu, jadual Bush di Busan masih dirahsiakan disebabkan faktor keselamatan. Ramai penduduk dan aktivis antiglobalisasi dikatakan akan menjadikan Bush sasaran ban-

tahan. Kira-kira 100,000 penunjuk perasaan dijangka membantah kehadiran Bush dan persidangan itu.

Selain Bush, Presiden China, Hu Jintao, Presiden Russia, Vladimir Putin dan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, dijangka mewakili negara masing-masing pada per-

**“**Malaysia iktiraf kepentingan kehadiran AS di rantau ini, tetapi kehadiran dalam konteks bekerjasama”

Syed Hamid Albar  
Menteri Luar

himpunan tahun ini.

Sementara itu, Malaysia mengiktiraf tiada satu negara dapat menangani ancaman selesema burung secara bersendirian tetapi berharap ia tidak mencetuskan kebimbangan keterlaluan seperti ketika Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

### FAKTA NOMBOR

**37,000**

Anggota polis kawal keselamatan

**6,000**

Penyertaan pemimpin, korporat dan media

**21**

Negara anggota Apec